



لاوتن نكارا

LAWATAN NEGARA


2017



**REPUBLIK
FILIPINA**



**REPUBLIK
SINGAPURA**



**REPUBLIK
RAKYAT CHINA**



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Terbitan
Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Hak Cipta
Jabatan Penerangan

Penyelaras
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Susunan/Taip set/Kompilasi
Abu Bakar bin Haji Abd. Rahman

Penyemak
Norhafilah binti Rosli

Reka Letak/Reka Bentuk Kulit Luar/Juruteknik Foto
Amdelah bin Haji Tujoh

Foto
Unit Fotografi, Jabatan Penerangan

LAWATAN NEGARA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE REPUBLIK FILIPINA**

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Keberangkatan Negara Kebawah DYMM Ke Republik Filipina	10 -11
Berangkat Tiba Di Republik Filipina	12 - 13
Berangkat Ke Majlis Sambutan Rasmi Sempena Keberangkatan Negara	14 - 17
Meterai Perjanjian Kerjasama Bidang Kebudayaan Dan Industri Halal	18 - 20
Brunei - Filipina Nikmati Hubungan Erat	21 - 22
Berkenan Berangkat Lawat Air Force City Clark	23 -24

Keberangkatan Negara Kebawah DYMM Ke Republik Filipina

PADA 26 April 2017, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Manila, Republik Filipina bagi Keberangkatan Negara selama dua hari yang diadakan pada 27 dan 28 April 2017.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyebarkan selamat berangkat dihadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri;

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menyebarkan selamat berangkat dihadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada para pembesar negara sebelum berangkat ke Manila, Republik Filipina.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menaiki pesawat khas baginda bagi Keberangkatan Negara.



BERANGKAT ke Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyebarkan selamat berangkat dihadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

Berangkat Tiba Di Republik Filipina



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pengkalan Udara Balagbag, Manila dijunjung oleh Setiausaha Kewangan selaku Setiausaha Pengiring, Tuan Yang Terutama Carlos Garcia Dominguez III.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 26 April 2017 selamat berangkat tiba di Manila, Republik Filipina bagi Keberangkatan Negara.

Hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pengkalan Udara Balagbag, Manila ialah Setiausaha Kewangan selaku Setiausaha Pengiring, Tuan Yang Terutama Carlos Garcia Dominguez III dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Meynardo LB Montealegre.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada para pegawai dan kakitangan Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Republik Filipina, sejurus keberangkatan tiba di hotel persemayaman baginda sepanjang Keberangkatan Negara di Manila.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima tabik hormat sejurus melintasi barisan Kawalan Kehormatan Statik.

Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Hajah Johariah binti Haji Abdul Wahab.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya melintasi barisan Kawalan Kehormatan Statik sebelum menaiki kenderaan khas menuju ke sebuah hotel ternama di Manila, tempat persemayaman baginda di sepanjang Keberangkatan Negara.

Hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Filipina mula terjalin sejak bulan Januari 1984.

Kedua-dua buah negara menikmati kerjasama yang semakin meluas melalui pelbagai kerjasama seperti dalam bidang perdagangan, pelaburan, pertahanan, pertanian, tenaga, pendidikan dan kesihatan.

Republik Filipina juga akan menjadi Tuan Rumah pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-30 yang akan diadakan pada 29 April 2017.



BAGINDA semasa berangkat tiba di hotel persemayaman.

Berangkat Ke Majlis Sambutan Rasmi Sempena Keberangkatan Negara



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di halaman Malacañan Palace dijunjung dan dialu-alukan oleh Presiden Republik Filipina, TYT Rodrigo Duterte.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Rasmi Sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Republik Filipina yang berlangsung di Malacañan Palace, Manila pada 27 April 2017.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berangkat ke Tugu Peringatan Rizal di Rizal Park, Manila bagi Upacara Meletakkan Kalungan Bunga.

Sejurus keberangkatan tiba di Tugu Peringatan Rizal, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Setiausaha Eksekutif Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Salvador Medialdea.

Selepas itu, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dimainkan, diikuti dengan Lagu Kebangsaan Republik Filipina. Baginda kemudian dijunjung bagi meletakkan Kalungan Bunga di Tugu Peringatan tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian diraikan bagi Majlis Sambutan Rasmi Keberangkatan Negara.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di pekarangan istana dialu-alukan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian dijunjung menaiki pentas khas bagi menerima Tabik Hormat Diraja, diiringi dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara serta dua puluh satu das tembakan meriam.

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan memeriksa Barisan Kehormatan Diraja yang terdiri daripada Angkatan Tentera Filipina.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian

disembahkan kepada para Pembesar Negara Republik Filipina dan kemudiannya diikuti dengan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina diperkenalkan kepada ahli-ahli delegasi Negara Brunei Darussalam.

Pada Majlis tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan menandatangani buku pelawat di Dewan Resepsi, Malacañan Palace. Kedua-dua pemimpin seterusnya beredar ke Aguinaldo State Dining Room bagi Majlis Perjumpaan Dua Hala.

Semasa Perjumpaan Dua Hala tersebut, kedua-dua pemimpin bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa.



BAGINDA berkenan menandatangani buku pelawat sejurus tiba di Malacañan Palace, sambil disaksikan oleh Presiden Filipina.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meletakkan Kalungan Bunga di Tugu Peringatan Rizal.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dijunjung untuk memeriksa Barisan Kehormatan Diraja yang terdiri daripada Angkatan Tentera Filipina.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disembahkan kepada para pembesar Republik Filipina.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan TYT Presiden Republik Filipina semasa mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala.



BAGINDA semasa berkenan melambai mesra murid-murid sekolah yang hadir mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina bagi menjunjung keberangkatan baginda di Malacañan Palace.



PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte diperkenalkan kepada Ahli-ahli Delegasi Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Filipina, TYT Rodrigo Roa Duterte bersalaman mesra sejurus keberangkatan tiba baginda dalam Majlis Sambutan Rasmi Keberangkatan Negara di Malacañan Palace.

Meterai Perjanjian Kerjasama Bidang Kebudayaan Dan Industri Halal



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sidang Akhbar Bersama dan melahirkan rasa gembira kerana berpeluang kembali ke Republik Filipina bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala yang erat.

NEGARA Brunei Darussalam dan Republik Filipina memeterai Perjanjian-Perjanjian Kerjasama dalam bidang kebudayaan dan industri halal.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Majlis Penandatanganan Perjanjian-Perjanjian Kerjasama bersama-sama Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte.

Majlis yang berlangsung di Dewan Resepsi, Malacañan Palace pada 27 April 2017 itu mula-mula menyaksikan penandatanganan Perjanjian Kerjasama Kebudayaan (Agreement on Cultural Cooperation) oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, manakala Kerajaan Republik Filipina diwakili oleh Chairperson of the National Commission for Culture and the Arts, Tuan Virgilio S. Almario.

Kemudian diikuti dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman Industri Halal dan Kemajuan dan Promosi Halal (Memorandum of Understanding on Halal Industry and Halal Development and Promotion) oleh Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, manakala Kerajaan Republik Filipina diwakili oleh Setiausaha Perdagangan dan Industri, Tuan Yang Terutama Ramon Lopez.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina kemudian beredar bagi menghadiri Sidang Akhbar Bersama di mana baginda melahirkan rasa gembira kerana berpeluang kembali ke Republik Filipina bagi mengukuhkan lagi hubungan dua hala yang erat.

Baginda juga menyatakan sokongan penuh Negara Brunei Darussalam kepada Republik Filipina, selaku Pengerusi ASEAN pada tahun 2017.

Kenyataan Bersama di antara Republik Filipina dan Negara Brunei Darussalam juga dikeluarkan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte semasa berbual mesra di Dewan Resepsi bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan Perjanjian-Perjanjian Kerjasama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte semasa mengadakan Sidang Akhbar Bersama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Presiden Republik Filipina menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Kebudayaan (Agreement on Cultural Cooperation) yang ditandatangani oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng (atas) dan Memorandum Persefahaman Industri Halal dan Kemajuan dan Promosi Halal (Memorandum of Understanding on Halal Industry and Halal Development and Promotion) yang ditandatangani oleh Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar (bawah).



Brunei - Filipina Nikmati Hubungan Erat

PADA sebelah malamnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan keberangkatan baginda ke Republik Filipina.

Majlis Santap Negara diadakan di Malacañan Palace dan dihoskan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Istana Malacañan, dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina.

Majlis Santap Negara dimulakan dengan ucapan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina, dengan mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Republik Filipina. Dalam Majlis Santap Negara tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan titah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dalam titah baginda melahirkan rasa gembira kerana dapat meraikan lawatan Tuan Yang Terutama Presiden

Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam pada bulan Oktober 2016. Baginda menyuarakan bahawa pertukaran lawatan yang kerap dalam semua peringkat mencerminkan perhubungan yang rapat di antara kedua-dua buah negara.

Baginda menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina menikmati hubungan berpanjangan, khususnya dengan terjalannya pertalian erat di antara rakyat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengakui peranan 23,000 rakyat Republik Filipina yang berada di Negara Brunei Darussalam dalam memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia melahirkan kepercayaan bahawa hubungan ekonomi di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Filipina akan terus berkembang dalam menyediakan suasana yang kondusif bagi peniaga-peniaga untuk bekerjasama dalam bidang-bidang seperti industri halal dan asas tani.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mengesahkan semula komitmen Negara Brunei Darussalam untuk bekerjasama dengan Republik



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah dalam Majlis Santap Negara sempena Keberangkatan Negara ke Republik Filipina yang berlangsung di Malacañan Palace dan dihoskan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte.

Filipina bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau ini, khususnya melalui penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam Pasukan Pemantauan Antarabangsa di Selatan Filipina.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyatakan sokongan penuh Negara Brunei Darussalam kepada Republik Filipina selaku Pengerusi ASEAN di tahun 2017, yang bertepatan dengan Sambutan Ulang Tahun ASEAN Ke-50 pada tahun ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat ke Majlis Santap Negara yang dihoskan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Rodrigo Roa Duterte di Malacañan Palace.

Di akhir titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan ucapan selamat rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, dan berharap agar hubungan erat di antara kedua-dua buah negara dapat diperkukuhkan lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga akan menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-30 dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan yang akan diadakan di Manila, Republik Filipina pada 29 April 2017.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada peserta persembahan kebudayaan dalam Majlis Santap Negara.

Berkenan Berangkat Lawat Air Force City Clark

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada 28 April 2017 berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Air Force City Clark, Pampanga, Republik Filipina.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Air Force City Clark dijunjung oleh Setiausaha Pengangkutan Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Arthur Tugade; Naib Komander Tentera Udara Filipina, Mejar Jeneral Conrado V Parra Jr.; Senator Republik

Filipina, Tuan Alan Peter Cayetano dan Presiden Bases Conversion and Development Authority (BCDA), Tuan Vivencio B. Dizon.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berangkat melintasi barisan Kawalan Kehormatan Statik sebelum dijunjung beredar ke Hangar Haribon bagi menyaksikan secara lebih dekat Pesawat Jet Tentera Udara Filipina FA-50.

Baginda kemudiannya dijunjung menaiki pesawat berkenaan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menerima sembah taklimat daripada Tentera Udara Filipina, Leftenan Kolonel Maynard P. Mariano mengenai pesawat jet tersebut dan seterusnya dijunjung bagi menyaksikan demonstrasi penerbangan pesawat jet berkenaan.

Baginda seterusnya menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh BCDA. Sebelum berangkat meninggalkan Air Force City Clark, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pesambah berupa Wing Patches daripada juruterbang-juruterbang pesawat jet FA-50.

Baginda juga berkenan mengurniakan cenderahati kepada Leftenan Kolonel Maynard P. Mariano.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei semasa berkenan menyaksikan Pertunjukan Udara di Air Force City.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung berangkat melintasi 21 Foyer Honors sejurus keberangkatan tiba di Air Force City.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pesambah berupa Wing Patches daripada juruterbang pesawat jet FA-50.



BAGINDA berkenan menerima sembah taklimat mengenai pesawat jet FA-50.

LAWATAN NEGARA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM KE REPUBLIK SINGAPURA**

ISI KANDUNGAN

Berangkat Ke Republik Singapura	29 - 31
Berangkat Tiba Di Republik Singapura	32 - 34
Majlis Sambutan Rasmi Sempena Keberangkatan Negara	35 - 37
Majlis Perjumpaan Rasmi Bincang Isu Dua Hala	38
Berkenan Berangkat Ke Majlis Santap Tengah Hari	39
Berangkat Lawat Istana Heritage Gallery	40 -41
Berkenan Berangkat Ke Majlis Perasmian Pameran ‘Brunei-Singapore Relation’	42 -44
Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang: Menyumbang kepada kestabilan makro ekonomi	45 -46
Mata Wang Peringatan Bernilai \$50 Brunei-Singapura Dilancarkan	47
Berangkat Ke Majlis Santap Negara	48- 51
Kebawah DYMM Berangkat Ke Institut Latihan Komando	52 -54
Berangkat Hadiri Majlis Santap Tengah Hari	55 -56
Berangkat Meninggalkan Republik Singapura	57 - 59

MUKA SURAT

Berangkat Ke Republik Singapura



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan di Istana Nurul Iman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, berkenan berangkat bagi Keberangkatan Negara ke Republik Singapura pada hari Isnin hingga Khamis, 3 hingga 6 Julai 2017.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi’atul ‘Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa’adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah serta kerabat diraja yang lain ketika Doa Selamat dibacakan.

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyebarkan selamat berangkat dihadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran

Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam; serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan bagi menyebarkan selamat berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Menteri-Menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-Timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan isteri masing-masing serta wakil Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada Menteri-menteri Kabinet (kiri). KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat bagi Keberangkatan Negara ke Republik Singapura (kanan).



BERANGKAT di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM di Rimba bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.



Berangkat Tiba Di Republik Singapura



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta paduka-paduka anakanda baginda selamat berangkat tiba di Republik Singapura.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, selamat berangkat tiba di Republik Singapura bagi Keberangkatan Negara.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Amat Mulia Pengiran Anak

Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta kerabat diraja yang lain.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Kompleks VIP, Lapangan Terbang Changi dijunjung oleh Menteri Ehwal Luar Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Vivian Balakrishnan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima jambangan bunga daripada Datin Michelle Lim Bee Leng, Lady-in-Attendance.

Seri Baginda Raja Isteri di Kompleks VIP, Lapangan Terbang Changi dijunjung oleh Menteri Ehwal Luar Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Vivian Balakrishnan; Menteri Pendidikan dan Menteri Kedua Pengangkutan Republik Singapura, TYT Dato Paduka Seri Ng Chee Meng, selaku Menteri Pengiring serta isteri, Datin Michelle Lim Bee Leng, selaku Lady-in-Attendance; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, TYT Lim Hong Huai dan isteri serta para pegawai kanan Kerajaan Republik Singapura.

Sejurus itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima jambangan bunga daripada Datin Michelle Lim Bee Leng, Lady-in-Attendance.

Turut hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang

Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Haji Awang Saifulbahri bin Haji Awang Mansor dan isteri serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya berkenan menaiki kenderaan khas menuju ke sebuah hotel ternama, tempat persemayaman baginda di sepanjang Keberangkatan Negara.

Salah satu majlis bersejarah yang mencerminkan kekukuhankhubungan dua haladiantara kedua-dua buah negara, yang akan berlangsung pada Keberangkatan Negara kali ini, di mana Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura akan menyaksikan Pelancaran Mata Wang Kenang-Kenangan Sempena Jubli Emas Perjanjian tersebut.

Sempena Keberangkatan Negara ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Singapura akan merasmikan Pameran Bersama 'Brunei - Singapore Exhibition'.



KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah sejurus tiba di hotel persemayaman baginda di sepanjang Keberangkatan Negara ke Republik Singapura.

Majlis Sambutan Rasmi Sempena Keberangkatan Negara

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Rasmi Sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Republik Singapura.

Majlis sambutan rasmi tersebut berlangsung di Istana Singapura pada hari Rabu 5 Julai 2017.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di pekarangan istana dialu-alukan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam dan isteri, Puan Tan Keng Yam.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di pekarangan istana dialu-alukan oleh Presiden Republik Singapura, TYT Dr. Tony Tan Keng Yam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura seterusnya menuju ke Pentas Khas di mana baginda berkenan menerima Tabik Hormat Diraja. Ini diikuti dengan upacara menaikkan bendera diiringi Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara. Setelah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura untuk memeriksa Barisan Kehormatan Diraja yang terdiri daripada Polis Tentera, Angkatan Bersenjata Singapura.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani Buku Tetamu sebelum memasuki ruang berlainan di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri disembahkan kepada para pembesar negara Republik Singapura.

Ini kemudiannya diikuti dengan pengenalan ahli-ahli delegasi Negara Brunei Darussalam kepada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura dan isteri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani Buku Tetamu sambil disaksikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri sempena Lawatan Negara ke Republik Singapura.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri disembahkan kepada para pembesar negara Republik Singapura.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudian berkenan beredar bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura dan isteri untuk sesi bergambar ramai sebelum berangkat menghadiri atur cara berasingan.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ketika dialu-alukan oleh isteri Presiden Republik Singapura, Puan Tan Keng Yam sejeurus keberangkatan tiba di pekarangan Istana Singapura.



TYT Presiden Republik Singapura dan isteri diperkenalkan kepada Ahli-ahli Delegasi Negara Brunei Darussalam.

Majlis Perjumpaan Rasmi Bincang Isu Dua Hala

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Rasmi bersama Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam.

Majlis berlangsung di West Drawing Room, Istana Singapura sejurus Majlis Sambutan Rasmi Sempena Keberangkatan Negara.

Pada Majlis Perjumpaan Rasmi tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan Rasmi.

Berkenan Berangkat Ke Majlis Santap Tengah Hari

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari secara berasingan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong. Majlis diadakan di Lewin Terrace.

Manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh isteri Perdana Menteri Republik Singapura, Puan Ho Ching di Grand Hyatt Hotel.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari berasingan yang dihoskan oleh isteri Perdana Menteri Republik Singapura, Puan Ho Ching, di Grand Hyatt Hotel. Berangkat sama Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Berangkat Lawat Istana Heritage Gallery

DALAM acara berasingan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Jamuan Teh yang dihoskan oleh isteri Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura, Puan Tan Keng Yam.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Istana Lounge diiringi oleh isteri Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura, Puan Tan Keng Yam.

Selepas Majlis Jamuan Teh, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Istana Heritage Gallery dengan diiringi oleh isteri Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura, Puan Tan Keng Yam.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung oleh Pengurus Kanan galeri berkenaan, Ms. Tracey Tee.

Semasa lawatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menyaksikan pameran yang memaparkan sejarah penubuhan Istana Singapura.

Galeri ini turut mempamerkan cenderamata-cenderamata yang diberikan oleh ketua-ketua negara asing kepada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura.

Sebelum mengakhiri lawatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menyaksikan pameran di Istana Heritage Gallery. Baginda diiringi oleh isteri Presiden Republik Singapura, Puan Tan Keng Yam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menyaksikan pameran yang memaparkan sejarah penubuhan Istana Singapura.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Istana Heritage Gallery yang mempamerkan cenderamata-cenderamata yang diberikan oleh ketua-ketua negara asing kepada TYT Presiden Republik Singapura.

Berkenan Berangkat Ke Majlis Perasmian Pameran ‘Brunei-Singapore Relation’

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perasmian Pameran Bersama mengenai 'Brunei-Singapore Relation'.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul' Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Muzium Filatelik Singapura dijunjung oleh Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Ehwal Luar, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman; Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Puan Yang Terutama Grace Fu Hai Yien; Pengerusi Muzium Filatelik Singapura, Profesor Cheah Jin Seng.

Turut menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersama Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Singapura dan

isteri menyaksikan persembahan tarian tradisional daripada rombongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Muzium Filatelik Singapura, Profesor Cheah Jin Seng.

Majlis diteruskan dengan perasmian Pameran Bersama mengenai 'A Brunei-Singapore Relation' yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Singapura yang diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudian berkenan menyaksikan pameran yang terdapat di muzium berkenaan yang mana penerangan mengenai pameran telah disebarkan oleh Pemangku Pengarah Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad Abdoh bin Haji Awang Damit dan Pengurus Besar Muzium Filatelik Singapura, Puan Tresnawati Prihadi.

Sebelum mengakhiri majlis berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Singapura dan isteri bagi sesi bergambar ramai.

Pameran Bersama ini adalah bagi meraikan hubungan persahabatan yang erat antara kedua-dua buah negara di samping meraikan Sambutan Jubli Emas Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang di antara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura.

Pameran yang seumpama ini juga akan diadakan di Negara Brunei Darussalam pada bulan November tahun ini. Dengan adanya pameran tersebut penduduk dan rakyat di kedua-dua buah negara diharap akan lebih menghargai kebudayaan, sejarah, hubungan politik dan sosioekonomi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan mendengar sembah taklimat ringkas dan menyaksikan Pameran Bersama mengenai 'Brunei-Singapore Relation' (atas dan bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman bersama TYT Perdana Menteri Republik Singapura dalam Majlis Perasmian Pameran Bersama mengenai 'Brunei-Singapore Relation'.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan bergambar ramai bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong dan isteri ketika berangkat menghadiri Majlis Perasmian Pameran Bersama mengenai 'Brunei-Singapore Relation'.



MENGIRINGI keberangkatan baginda berdua ke pameran tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta kerabat diraja yang lain.

Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang **Menyumbang kepada kestabilan makro ekonomi**

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Mata Wang Kenang-Kenangan Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura yang berlangsung di State Room, Istana Singapura.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada majlis tersebut diiringi oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Singapura,

Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.

Majlis Pelancaran dimulakan dengan tayangan video dan diikuti dengan ucapan pembukaan oleh Perdana Menteri Republik Singapura yang telah melahirkan rasa gembira di atas kerjasama yang saling terjalin di antara kedua-dua buah negara.

Pada majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan mengurniakan titah, yang mana antara lain baginda menyatakan bahawa Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang ini menandakan satu lagi pencapaian bagi kedua-dua



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertukar cenderamata kenang-kenangan bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong sejurus selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Mata Wang Kenang-Kenangan Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura.

buah negara. Kejayaan perjanjian tersebut, tambah baginda, telah menyumbang kepada kestabilan makro ekonomi dan ianya adalah merupakan suatu penghargaan terhadap hubungan erat di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura.

Dalam landskap global yang sentiasa berubah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah bahawa Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang ini telah memberikan keyakinan dan terus menjana pelbagai faedah perekonomian serta pautan kewangan yang kukuh antara kedua-dua buah negara dengan memudah cara perdagangan dan pelaburan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya melahirkan rasa gembira bahawa kedua-dua autoriti monetari di kedua-dua buah negara secara

berterusan menerokai usaha sama-usaha sama yang lebih mendalam dan baginda yakin bahawa Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang ini akan mengukuhkan lagi kestabilan dan pertumbuhan di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura.

Selesai bertitah, baginda bersama Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Singapura berkenan menyempurnakan Majlis Pelancaran Mata Wang Kenang-Kenangan Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura.

Majlis diakhiri dengan kedua-dua pemimpin saling bertukar-tukar cenderamata kenang-kenangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah dalam Majlis Pelancaran Mata Wang Kenang-Kenangan Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura yang berlangsung di State Room.

Mata Wang Peringatan Bernilai \$50 Brunei-Singapura Dilancarkan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama dengan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong telah berkenan bersama-sama melancarkan mata wang peringatan bernilai \$50.

Mata wang tersebut dikeluarkan oleh kedua-dua buah negara di dalam satu majlis yang diadakan di Istana Singapura pada hari Rabu 5 Julai 2017, sempena Sambutan Ulang Tahun Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang yang Ke-50 atau *Currency Interchangeability Agreement* di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura.

Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang telah dikuatkuasakan pada 12 Jun 1967 di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura bagi memudahkan hubungan ekonomi dan perdagangan di antara kedua-dua buah negara, dan ianya merupakan kerjasama ekonomi di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura yang utama.

Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Mata Wang Brunei (sekarang dikenali sebagai Autoriti Monetari Brunei Darussalam) dan Pengerusi Lembaga Pesuruhjaya Mata Wang, Singapura (telah bergabung dengan Monetary Authority of Singapore pada tahun 2002).

Di bawah perjanjian tersebut, autoriti-autoriti monetari dan bank-bank komersial di Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dimestikan untuk menerima dan membuat pertukaran SGD dan BND daripada orang ramai dan perniagaan-perniagaan, dengan nilai yang sama tanpa caj.

Perjanjian tersebut telah menolong dalam pertumbuhan ekonomi dan telah mengukuhkan lagi hubungan kewangan di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura. Pelancaran bersama mata wang kenang-kenangan bernilai \$50 pada hari ini mengesahkan lagi kepada orang ramai, peniaga-peniaga dan institusi-institusi kewangan bahawa mata wang di kedua-dua buah negara masih lagi boleh disaling tukar dengan nilai yang sama.

Orang ramai boleh mendapatkan mata wang kenang-kenangan tersebut di kedua-dua buah negara bermula 5 Julai 2017, jam 2.00 petang, manakala mata wang edaran atau '*circulation notes*' boleh diperolehi daripada semua bank-bank dan cawangan mereka di seluruh negara pada hari Jumaat, 7 Julai 2017 mulai jam 2.00 petang.

Maklumat lanjut mengenai dengan Ulang Tahun Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang Ke-50 di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura boleh didapati melalui AMBD App, yang boleh dimuat turun secara percuma melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android; atau dengan melayari laman sesawang AMBD di www.ambd.gov.bn.



MATA wang baharu nota \$50 Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Berangkat Ke Majlis Santap Negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara yang dihoskan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara yang dihoskan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam dan isteri, Puan Tan Keng Yam sempena Keberangkatan Negara baginda ke Republik Singapura.

Majlis Santap Negara tersebut berlangsung di Istana Republik Singapura.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di pekarangan istana dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura dan isteri.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Majlis Santap berkenaan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah dalam Majlis Santap Negara tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan beredar bersama-sama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura dan isteri ke Dewan Resepsi di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri disembahkenalkan kepada tetamu-tetamu khas dan Ketua-ketua Perwakilan dari negara-negara ASEAN ke Republik Singapura.

Pada majlis tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga disembahkenalkan kepada 13 orang penerima biasiswa 'Sultan's Scholar' yang dalam Program Latihan Lawatan di Republik Singapura.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya berkenan bagi sesi bergambar ramai sebelum berangkat ke Dewan Bankuet bagi Majlis Santap Negara.

Majlis Santap Negara tersebut dimulakan dengan ucapan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura yang mengalu-alukan keberangkatan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Republik Singapura.

Pada Majlis Santap Negara tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan titah di mana baginda telah melahirkan rasa gembira dengan sambutan dan layanan baik yang telah diberikan kepada baginda berdua semasa berada di negara berkenaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah bahawa Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang di antara Negara Brunei Darussalam dengan Singapura adalah bukti hubungan erat kedua-dua buah negara yang telah lama terjalin sejak zaman Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan mendiang Lee Kuan Yew.

Baginda seterusnya bertitah bahawa, talian persahabatan yang akrab ini telah bertukar menjadi kerjasama yang kukuh dalam pelbagai bidang termasuk pertahanan, kesihatan dan pendidikan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga melahirkan rasa gembira di atas usaha yang berterusan antara kedua-dua buah negara dalam memupuk hubungan istimewa ini. Hubungan tersebut, tambah baginda, juga perlu membawa manfaat kepada rakyat. Baginda juga menekankan kepentingan pertukaran antara rakyat untuk membangun dan memperkaya lagi hubungan generasi masa depan.

Dalam aspek kerjasama masa depan juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah mengenai kepentingan dalam memperkembangkan kerjasama lebih rapat, khususnya di dalam industri berasaskan agro. Baginda juga maklum bahawa Singapura berhasrat untuk menjadi ‘*Smart City*’.

Baginda kemudiannya mengucapkan selamat maju jaya kepada Singapura dalam memacu kemakmuran melalui inovasi Abad Ke-21 ini.

Pada mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan sokongan padu kepada Singapura yang akan mempengerusikan ASEAN pada tahun 2018.

Dalam menyambut Ulang Tahun Ke-50 Pertubuhan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap akan dapat terus bekerjasama dengan Singapura ke arah masa depan yang lebih bermanfaat kepada rakyat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan beramah mesra bersama penerima Biasiswa ‘Sultan’s Scholars’ yang dalam Program Latihan Lawatan di Republik Singapura.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara. Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi’atul ‘Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (atas dan bawah).



Kebawah DYMM Berangkat Ke Institut Latihan Komando



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB berkenan menandatangani Buku Pelawat. Mengiringi keberangkatan baginda ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Institut Latihan Komando, Kem Pasir Ris, Republik Singapura pada hari Khamis, 6 Julai 2017.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di kem berkenaan dialu-alukan oleh Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Ng Eng Hen.

Sejurus keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung beredar ke Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat Diraja dan seterusnya memeriksa Barisan Kehormatan Diraja daripada Batalion Komando Pertama, Angkatan Bersenjata Singapura. Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan menandatangani Buku Pelawat sebelum beredar ke Blok 65.

Di Blok 65, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berkenan mendengar sembah taklimat mengenai Ibu Pejabat Komando dan Special Operations Task Force (SOTF). Baginda juga disambangkan penerangan mengenai demonstrasi-demonstrasi ketenteraan yang dapat disaksikan pada lawatan tersebut.

Seterusnya, baginda berkenan menyaksikan pertunjukan daripada Penerjun Payung 'The Red

Lions' diikuti dengan demonstrasi ketenteraan daripada Counter Terrorism Forces, Angkatan Bersenjata Singapura.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan beredar bagi melihat dengan lebih dekat fasiliti-fasiliti latihan payung terjun. Baginda juga berkenan menyaksikan pameran statik yang memaparkan *Apache Attack Helicopter* dan *Rigid-Hulled Inflatable Boat (RHIB)*.

Selepas menyaksikan pameran statik, Kebawah Duli Yang Maha Mulia disambangkan kepada lima orang pegawai ABDB yang sedang menjalani kursus dan penempatan di Perkhemahan Tentera Republik Singapura. Ini diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Pada mengakhiri lawatan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pesambah daripada Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Ng Eng Hen.



KEBAWAH DYMM berkenan memeriksa Barisan Kehormatan Diraja daripada Batalion Komando Pertama, Angkatan Bersenjata Singapura.

Sebagai tanda ingatan kepada lawatan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia disambangkan dengan Lencana Penerjunan Payung Terjun Bebas Lanjutan Kehormat Angkatan Bersenjata Singapura oleh Mejar Jeneral Melvyn Ong, Panglima Tentera Darat, Angkatan Bersenjata Singapura, yang juga telah dikurniakan cenderamata daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ketika dijunjung menaiki Apache Attack Helicopter.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika disembahkan kepada lima Pegawai ABDB yang sedang menjalani kursus dan penempatan di Perkhemahan Tentera Republik Singapura.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengar sembah taklimat mengenai Ibu Pejabat Komando dan Special Operations Task Force (SOTF). Mengiringi keberangkatan baginda ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik.

Berangkat Hadiri Majlis Santap Tengah Hari



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean, yang berlangsung di Grand Hyatt Hotel.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik.

Sementara di ruang yang lain di hotel berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari bersama isteri Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Puan Teo Chee Hean.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dalam majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra bersama Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean dalam Majlis Santap Tengah Hari yang berlangsung di Grand Hyatt Hotel. Mengiringi keberangkatan baginda ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari bersama isteri Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Puan Teo Chee Hean. Mengiringi keberangkatan baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berbual mesra bersama isteri Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Puan Teo Chee Hean dalam Majlis Santap Tengah Hari tersebut. Mengiringi keberangkatan baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Berangkat Meninggalkan Republik Singapura



BERADA di Lapangan Terbang Changi bagi menyampaikan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja yang lain ialah Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean dan isteri; Menteri Pendidikan dan Menteri Kedua Pengangkutan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Seri Ng Chee Meng, selaku Menteri Pengiring dan isteri, Datin Michelle Lim Bee Leng, selaku Lady-in-Attendance dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Lim Hong Huai dan isteri.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, berkenan berangkat meninggalkan Republik Singapura selepas menamatkan Keberangkatan Negara mulai 3 hingga 6 Julai 2017.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja

Isteri ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta kerabat diraja yang lain.

Sebelum berangkat meninggalkan hotel persemayaman baginda, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berada di Lapangan Terbang Changi bagi menyebarkan selamat berangkat dihadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean dan isteri; Menteri Pendidikan dan Menteri Kedua Pengangkutan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Seri Ng Chee Meng, selaku Menteri Pengiring dan isteri, Datin Michelle Lim Bee Leng, selaku Lady-in-Attendance dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke



BAGINDA berdua menadah tangan ketika doa selamat dibacakan sebelum berangkat meninggalkan Republik Singapura (atas). Berangkat mengiringi baginda berdua ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah (bawah).



Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Lim Hong Huai dan isteri.

Turut hadir bagi menyebarkan selamat berangkat dihadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Haji Awang Saifulbahri bin Haji Awang Mansor dan isteri.

Sebelum keberangkatan balik, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambah yang berupa Album Kenangan sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Republik Singapura.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyyah binti Pengiran Haji Bolkiah berkenan menerima junjung ziarah daripada Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean dan isteri sebelum berangkat balik.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah berkenan menerima junjung ziarah daripada isteri Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura sebelum berangkat balik.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima junjung ziarah daripada isteri Timbalan Perdana Menteri Singapura sebelum berangkat balik.

LAWATAN NEGARA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM KE REPUBLIK RAKYAT CHINA**

Berangkat Ke Beijing Bagi Keberangkatan Negara	64
Keberangkatan Tiba Di Beijing, Republik Rakyat China	65 -66
Majlis Sambutan Rasmi Sempena Keberangkatan Negara	67 - 69
Kebawah DYMM - TYT Hargai Hubungan Kukuh Brunei-China	70 - 71
Empat Memorandum Persefahaman Ditandatangani	72 - 73
Hubungan Ekonomi Brunei-China Dibincangkan	74
Berkenan Adakan Perjumpaan Dua Hala	75 -76
Berangkat Ke Upacara Meletakkan Kalungan Bunga	77
Berangkat Meninggalkan Beijing, Republik Rakyat China	78 -79

Berangkat Ke Beijing Bagi Keberangkatan Negara

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Selasa, 12 September 2017 telah berkenan berangkat ke Beijing, Republik Rakyat China bagi Keberangkatan Negara selama tiga hari.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat meninggalkan hotel persemayaman baginda di Nanning, Republik Rakyat China, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum berangkat menaiki



KEBAWAH DYMM dan YTM menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (atas). Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Nanning, Republik Rakyat China. Berangkat mengiringi baginda ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen (bawah).

Pesawat Diraja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia disebarkan dengan persembahan kebudayaan daripada para penuntut tempatan.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Nanning Wuxu bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Vice Chairman of Guangxi Zhuang Autonomous Region People's Political Consultative Conference, Puan Yang Terutama Mo Changying dan Naib Datuk Bandar Beihai, Tuan Yang Terutama Huang Jiang.

Turut hadir bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Timbalan Menteri Kewangan (Pelaburan), Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah.



Keberangkatan Tiba Di Beijing, Republik Rakyat China



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Penolong Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Chen Xiaodong.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selamat berangkat tiba di Beijing, Republik Rakyat China bagi Keberangkatan Negara.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing

Capital dijunjung oleh Penolong Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Chen Xiaodong.

Turut sama menjunjung keberangkatan tiba baginda ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Datin Paduka Magdalene Teo Chee Siong.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia disebarkan dengan sejambak bunga.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berangkat melintasi Kawalan Statik yang dianggotai oleh tentera People's Liberation Army dan kemudiannya dijunjung menaiki kenderaan khas

menuju ke sebuah hotel terkemuka di Beijing, tempat persemayaman baginda di sepanjang Keberangkatan Negara.

Hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Rakyat China mula terjalin sejak 30 September 1991.

Kedua-dua buah negara telah menikmati kerjasama yang semakin meluas dalam pelbagai bidang seperti perdagangan dan pelaburan, tenaga, pertanian, pertahanan, ICT, budaya, perkhidmatan udara, pelancongan, kesihatan dan pendidikan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima jambangan bunga sejurus keberangkatan tiba.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah sejurus keberangkatan tiba di hotel persemayaman baginda di sepanjang Keberangkatan Negara. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis Sambutan Rasmi Sempena Keberangkatan Negara


KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Rasmi Sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China pada hari Selasa, 12 September 2017.

Majlis berlangsung di Eastern Plaza, Great Hall of the People, Beijing pada hari Rabu, 13 September 2017.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Eastern Plaza dialu-alukan oleh Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping. Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian disembahkan kepada para Pembesar Negara dari Republik Rakyat China, kemudiannya diikuti dengan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Rakyat China untuk diperkenalkan kepada ahli-ahli delegasi Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya dijunjung



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.

menaiki pentas khas (dais) bagi menerima Tabik Hormat, diiringi dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China serta dua puluh satu das tembakan meriam.

Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan memeriksa Barisan Kehormatan yang terdiri daripada anggota tentera People's Liberation Army.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa Barisan Kehormatan yang terdiri daripada anggota tentera People's Liberation Army.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika menerima Tabik Hormat dan diiringi dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia disembahkenalkan kepada para pembesar negara Republik Rakyat China.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan bersalaman bersama Presiden Republik Rakyat China, TYT Xi Jinping.

Kebawah DYMM - TYT Hargai Hubungan Kukuh Brunei-China

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala Bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping yang berlangsung di East Hall, Eastern Plaza, Great Hall of the People, Beijing.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama menyertai sesi bergambar rasmi.


Semasa perjumpaan tersebut, Presiden Xi mengucapkan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta.

Presiden Xi juga menghargai hubungan yang semakin kukuh di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China dalam pelbagai bidang kerjasama.

Semasa Perjumpaan Dua Hala tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Presiden Xi mengadakan rundingan yang komprehensif



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala Bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan bawah).




mengenai hubungan dua hala Brunei-China yang merangkumi kerjasama ekonomi, kesalinghubungan, pertukaran-pertukaran di peringkat rakyat, pendidikan dan pertahanan.

Baginda juga mengesahkan lagi komitmen Negara Brunei Darussalam dalam mendukung dasar One-China.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Presiden Xi juga bertukar-tukar pandangan mengenai

pembangunan serantau. Baginda menghargai sumbangan-sumbangan Republik Rakyat China dalam mengekalkan keamanan, kemakmuran dan kemajuan global.

Satu Kenyataan Bersama di antara kedua-dua buah negara juga dikeluarkan.



SUASANA dalam Majlis Perjumpaan Dua Hala Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.


Empat Memorandum Persefahaman Ditandatangani

NEGARA Brunei Darussalam menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman bersama Kerajaan Republik Rakyat China semasa Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan Majlis Penandatanganan Perjanjian Kerjasama berkenaan yang diadakan pada hari Rabu, 13 September 2017 di Great Hall of the People, Beijing.

Berangkat mengiringi baginda ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga hadir menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping menyaksikan Majlis Penandatanganan Perjanjian Kerjasama di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Rakyat China.

Perjanjian-Perjanjian Kerjasama tersebut adalah Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Rakyat China bagi meningkatkan bersama kerjasama dalam Rangka Kerja Silk Road Economic Belt and the 21st Century Maritime Silk Road Initiative dan Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan

Kerajaan Republik Rakyat China bagi meningkatkan kerjasama di dalam bidang Infrastruktur di antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Kementerian Perdagangan Republik Rakyat China.

Juga terkandung dalam perjanjian kerjasama tersebut ialah penandatanganan Memorandum Pelan Tindakan Kerjasama di bidang Kesihatan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Xi Jinping ketika menyaksikan Majlis Penandatanganan Perjanjian Kerjasama di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Rakyat China bagi meningkatkan kerjasama di dalam bidang Infrastruktur di antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Kementerian Perdagangan Republik Rakyat China.




di antara Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam dan Suruhanjaya Kesihatan dan Perancangan Keluarga Nasional, Republik Rakyat China dan Memorandum Persefahaman di antara Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam dengan Kementerian Pertahanan Negara, Republik Rakyat China mengenai Memperkukuh Kerjasama Pertahanan.


Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menandatangani Perjanjian-Perjanjian Kerjasama itu ialah Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Manakala Kerajaan Republik Rakyat China diwakili oleh Pengerusi Suruhanjaya Pembangunan dan Pemulihan Nasional, Mr. He Lifeng; Menteri Perdagangan, Tuan Yang Terutama Zhong Shan; Menteri Suruhanjaya Kesihatan dan Perancangan Keluarga Nasional, Puan Li Bin dan Timbalan Ketua Pejabat Kerjasama Tentera Antarabangsa, Suruhanjaya Tentera Pusat, Major General Ci Guowei.

Selepas Majlis Penandatanganan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia beredar ke Golden Hall bagi Majlis Santap Negara yang dihoskan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Republik Rakyat China bagi meraikan Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke negara tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan TYT Xi Jinping menyaksikan Majlis Penandatanganan Perjanjian Kerjasama di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Rakyat China bagi Pelan Tindakan Kerjasama di bidang kesihatan di antara Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam dengan Suruhanjaya Kesihatan dan Perancangan Keluarga Nasional, Republik Rakyat China.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan TYT Xi Jinping berkenan menyaksikan Majlis Penandatanganan Perjanjian Kerjasama di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Rakyat China bagi Memorandum Persefahaman di antara Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam, dengan Kementerian Pertahanan Negara, Republik Rakyat China, Mengenai Memperkukuh Kerjasama Pertahanan.



BERANGKAT mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan delegasi Negara Brunei Darussalam.

Hubungan Ekonomi Brunei-China Dibincangkan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Perjumpaan Dua Hala dengan Premier of the State Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang, yang berlangsung di West Hall, Great Hall of the People, Beijing.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Premier of the State Council, Republik Rakyat China.

Semasa perjumpaan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama berbincang mengenai hubungan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Perjumpaan Dua Hala dengan Premier of the State Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang.

ekonomi Brunei-China, termasuk dalam bidang tenaga, infrastruktur dan pembangunan, pertanian, perikanan, kewangan dan kesalinghubungan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama

juga membincangkan mengenai hubungan dialog ASEAN-China, di mana kedua-dua belah pihak mengalu-alukan sambutan Ulang Tahun Ke-15 bagi Perkongsian Strategi ASEAN-China menjelang 2018.



BERANGKAT mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berkenan Adakan Perjumpaan Dua Hala

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Perjumpaan Dua Hala dengan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongress Rakyat Kebangsaan (NPC), Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Zhang Dejiang, yang berlangsung di Reception Hall, Great Hall of the People, Beijing.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.


Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongress Rakyat Kebangsaan Republik Rakyat China.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berjabat tangan dengan Tuan Yang Terutama Zhang Dejiang.

Semasa perjumpaan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama berbincang mengenai pertukaran-pertukaran di peringkat rakyat dan mengalu-alukan lebih banyak penglibatan anggota parlimen.

Kedua-dua pihak juga membincangkan pelbagai cara untuk mengukuhkan kerjasama ekonomi dua hala dan menekankan kepentingan dalam meningkatkan kesalinghubungan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Perjumpaan Dua Hala dengan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongress Rakyat Kebangsaan (NPC), Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Zhang Dejiang, yang berlangsung di Reception Hall, Great Hall of the People, Beijing. Berangkat mengiringi baginda ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



ANTARA rombongan Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China yang hadir dalam Perjumpaan Dua Hala berkenaan (atas dan bawah).



Berangkat Ke Upacara Meletakkan Kalungan Bunga

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Tugu Peringatan Monument to the People's Heroes bagi Upacara Meletakkan Kalungan Bunga pada hari Rabu, 13 September 2017.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meletakkan kalungan bunga di tugu peringatan tersebut.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia disembahkan kepada Penolong Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Kong Xuanyou dan Timbalan Pengerusi Beijing Municipal Committee of the 12th Chinese People's Political Consultative Conference (CPPCC), Tuan Yang Terutama Yan Zhongqiu.

Selepas itu, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dimainkan, diikuti dengan Lagu Kebangsaan Republik Rakyat China. Baginda kemudian dijunjung bagi meletakkan kalungan bunga di tugu peringatan tersebut.

Tugu Peringatan Monument to the People's Heroes yang terletak di tengah Dataran Tiananmen ini telah dibina sebagai tugu peringatan kebangsaan bagi memperingati wira-wira yang telah terkorban dalam mempertahankan negara pada Abad Ke-19 dan Ke-20.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Tugu Peringatan Monument to the People's Heroes bagi Upacara Meletakkan Kalungan Bunga. Berangkat mengiringi baginda ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berangkat Meninggalkan Beijing, Republik Rakyat China



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat meninggalkan Beijing, Republik Rakyat China selepas menamatkan Keberangkatan Negara.

PADA 14 September 2017, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Beijing, Republik Rakyat China bagi menamatkan Keberangkatan Negara yang bermula pada 12 September.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat meninggalkan hotel persemayaman baginda, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum berangkat menaiki Pesawat Khas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan melintasi Kawalan Statik yang dianggotai oleh tentera People's Liberation Army.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing Capital bagi menyampaikan selamat berangkat dihadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia

ialah Penolong Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Kong Xuanyou dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian.

Turut hadir bagi menyampaikan selamat berangkat dihadapan majlis baginda ialah Menteri Tenaga

dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Datin Paduka Magdalene Teo Chee Siong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan (kiri). Baginda dan Yang Teramat Mulia melambaikan tangan sebelum berangkat meninggalkan Republik Rakyat China (kanan).



